



JACKIE WONG mengangkat tangan selepas balingan tukul besinya memecah rekod Sukan SEA dan kebangsaan sekali gus menamatkan kemarau pingat emas selama 16 tahun dalam acara itu di Stadium Nasional Bukit Jalil, semalam.

UTUSAN MALAYSIA 24/8/2017 p.38

Kenangan manis cipta rekod di tanah air sendiri

KUALA LUMPUR 23 Ogos -

Tekanan diberikan oleh lawan membolehkan jaguh tukul besi negara, Jackie Wong menamatkan kemarau 16 tahun negara tanpa pingat emas dalam Sukan SEA apabila mengungguli saingan akhir acara tersebut selain turut memperbaharui rekod kebangsaan dan temasya.

Kali terakhir Malaysia meraih pingat emas baling tukul besi adalah menerusi legendanya, Wong Tee Kue dalam Sukan SEA 2001 di Kuala Lumpur.

Jackie meraih pingat emas baling tukul besi Sukan SEA Ke-29 dengan jarak 65.90 meter (m) yang juga rekod baharu kebangsaan dan temasya di Stadium Nasional Bukit Jalil.

Pingat perak saingan akhir itu milik wakil dari Thailand, Kittipong Boonmawan dengan jarak balingan 65.49m manakala

Ferrera Arniel dari Filipina sekadar meraih gangsa dengan catatan 55.94m.

Rekod kebangsaan sebelum ini adalah 65.34m dilakukan oleh Jackie dalam Kejohanan Olahraga Terbuka Korea pada Jun lalu manakala rekod lama temasya adalah 65.63m dilakukan oleh Caleb Stuart dari Filipina sewaktu Sukan SEA 2015 di Singapura.

Kata Jackie, pencabar yang lain telah memberikan tekanan kepadanya untuk membuat balingan paling jauh dan berjaya melakukannya ketika balingan keempat untuk catatan 65.90m.

“Lebih manis saya berjaya memenangnya di tanah air sendiri sama seperti dilakukan oleh Wong Tee Kue pada 2001,” katanya kepada pemberita selepas tamat saingan akhir di sini, hari ini.